



**Pejabat sunyi dan sepi**

**RUANG** pejabat yang sunyi, cuma kelihatan beberapa kakitangan pejabat bertugas ketika tinjauan di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) WP Labuan pada hari pertama Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi langkah pencegahan Covid-19.

## *Jaga tepi kain' tangani gejala rasuah*

**Putrajaya:** Penjawat awam perlu mengambil sikap 'jaga tepi kain' bagi memastikan gejala rasuah dalam perkhidmatan awam yang kian parah dapat ditangani dan tidak merebak menjadi bahan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata, perbuatan rasuah bukan lagi isu terpencil sebaliknya negara melihat banyak pendedahan dan pelanggaran integriti memba-

bitkan penjawat awam.

Menyifatkan ia seumpama selumbar dalam daging yang akan bernanah dan membusuk, Mohd Khairul Adib berkata, setiap perlakuan rasuah yang dilakukan segelintir kecil penjawat awam akan akhirnya terpalit kepada kumpulan majoriti berintegriti dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan amanah.

Beliau berkata, sektor itu juga menyaksikan beberapa

penjawat awam disiasat kerana kesalahan rasuah dan salah laku termasuk dalam isu kad pengenalan, kelonggaran untuk kemasukan warga asing ke negara ini serta gangguan bekalan air sepanjang tahun lalu.

"Jika dulu kita melihat ia hanya terpencil kerana ia membabitkan sebilangan kecil penjawat awam, tetapi kini kita tidak boleh duduk diam kerana apa jua tindakan kita akan akhirnya ia sampai di hadapan kita.

"Kita melihat isu yang sa-ya katakan tadi lambat laun akan menjadi masalah kita, jadi kita tidak boleh duduk diam.

"Ini kumpulan minoriti yang seharus diketepikan. Kita adalah kumpulan ma-joriti dan ramai lagi penjawat awam yang berpegang teguh kepada prinsip penjawat awam," katanya ketika menyampaikan Amanat KP-PA 2021: Mendepani Cabaran Melangkaui Ekspektasi, secara dalam talian, semalam.